

KSK Land labur bina Hotel Kempinski Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR - KSK Land Sdn. Bhd. (KSK Land) menjalin bekerjasama dengan Kempinski Hotels, kumpulan hotel mewah terulung di Eropah untuk membangunkan Hotel Kempinski Kuala Lumpur.

Hotel berkonsepkan gaya Eropah itu mampu menawarkan pengalaman menarik buat para pengunjungnya.

Hotel bernilai lebih daripada RM360 juta itu bakal menawarkan 260 bilik bertaraf lima bintang dan 300 suite perkhidmatan dalam bangunan setinggi 68 tingkat.

Ia kini menjadi sebahagian daripada pembangunan 8 Conlay yang diiktiraf Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sebagai sebuah Projek Penggerak Ekonomi (EPP) di bawah bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pelancongan dalam Program Transformasi Ekonomi Malaysia.

NKEA Pelancongan bertujuan untuk menarik pelancong segmen berpendapatan tinggi menerusi pembangunan setempat hotel berkualiti yang disediakan tahap perkhidmatan tertinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan KSK Land, Joanne Kua berkata, pihaknya yakin terhadap projek 8 Conlay dalam membantu negara mencapai misi untuk menarik lebih ramai pelancong bagi menjana pendapatan dari-

pada sektor pelancongan.

"Hotel ini bakal beroperasi menjelang sambutan tahun baru 2020 yang mana ia dijangka menyediakan lebih daripada 700 peluang pekerjaan," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Selain itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kempinski Hotel, Alejandro Bernabe menerangkan, projek hartanah itu bakal meluaskan kedudukannya di negara ini.

"Bagi Kempinski, kami akan mempertimbangkan setiap projek baharu berpotensi, kami ingin membina portfolio secara terpilih dan mahu menawarkan satu projek yang sangat unik sehingga tidak dapat dibandingkan dengan hotel lain," jelasnya.

**LAKARAN
arkitek
terhadap
Hotel
Kempinski
yang bakal
beroperasi
menjelang**

